

Fenomenologi Penjelmaan Tubuh dan Ekspresi Spiritual dalam Persembahan Zikir Darwis di Madrasah Rasool-Ur-Rahmah

Muhammad Harith Fadhilah bin Mohd Ghaus¹, Salman Alfarisi², Muhammad Fazli Taib Saearani³, & Indar Sabri⁴

Universiti Pendidikan Sultan Idris^{1,2,3}, Universitas Negeri Surabaya⁴

e-mail: fadhilahharith4@gmail.com¹, salman@fmsp.upsi.edu.my², fazli@fmsp.upsi.edu.my³, indarsabri@unesa.ac.id⁴

Corresponding author: salman@fmsp.upsi.edu.my

Article received: June 12, 2026

Article accepted: June 24, 2026

Article published: June 30, 2026

Cite this article (APA): Mohd Ghaus, M.H.F., Alfarisi, S., Saearani, M.F.T., & Sabri, I. (2026). Fenomenologi Penjelmaan Tubuh dan Ekspresi Spiritual dalam Persembahan Zikir Darwis di Madrasah Rasool-Ur-Rahmah. *Jurai Sembah*, 7(1), 55-63.

Abstrak

Persembahan zikir Darwis, atau tarian Sufi (*Whirling Dervishes*), merupakan warisan kesenian Islam yang sarat dengan mistisisme, menggabungkan pergerakan tubuh kinetik berputar dan elemen zikrullah bagi mencapai kesatuan rohani dengan Pencipta. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam proses penjelmaan tubuh (*embodiment*) zikir Darwis dalam konteks pengajian persembahan di Madrasah Rasool-Ur-Rahmah, Selangor. Berlandaskan Teori Penjelmaan oleh Betty Block, kajian ini memfokuskan pada tiga dimensi utama: subjek badan (*body-subject*), pengetahuan badan (*body-knowers*), dan ekspresi badan (*body-expressers*). Menerusi reka bentuk kualitatif berpendekatan fenomenologi deskriptif, data dikumpul melalui temu bual mendalam bersama pengamal utama (termasuk guru mursyid), pemerhatian lapangan, dan analisis dokumen. Hasil dapatan merungkai bahawa anatomi penari bukan sekadar medium fizikal yang pasif, tetapi bertindak sebagai wadah transformasi batin yang aktif. Analisis mendedahkan wujudnya integrasi holistik antara elemen material bersimbolik seperti kostum (subjek badan), disiplin asketik ketat yang membina memori otot seperti puasa 1001 hari (pengetahuan badan), serta manifestasi komunikasi emosi bukan lisan merangkumi rasa sedih, takut (*khauf*), dan kepasrahan mutlak (*redha*) (ekspresi badan). Kesepaduan ketiga-tiga dimensi ini melahirkan persembahan spiritual yang luhur dan bebas daripada batasan fizikal. Kesimpulannya, persembahan zikir Darwis merupakan satu disiplin seni persembahan Islam yang memartabatkan tubuh manusia sebagai manifestasi tertinggi penyatuan antara jasmani dan ketuhanan, sekaligus berfungsi sebagai wacana terapi kerohanian yang menyembuhkan.

Kata Kunci: Persembahan Darwis, Penjelmaan Tubuh, Fenomenologi, Seni Persembahan Islam, Zikir, Tarekat.

Abstract

The Darwis' performance, widely recognised as Sufi whirling, is a profound Islamic artistic heritage laden with mysticism, integrating kinetic rotating movements with elements of *zikir* to achieve spiritual unity with the Divine. This study aims to critically analyse the embodiment process of Zikir Darwis within the context of performance studies at Madrasah Rasool-Ur-Rahmah, Selangor. Applying Betty Block's Embodiment Theory, the research explores three primary dimensions: body-subject, body-knowers, and body-expressers. Employing a qualitative research design with a descriptive phenomenological approach, data were collected through in-depth interviews involving principal practitioners, field observations, and document analysis. The findings indicate that the practitioner's anatomy serves not merely as a passive physical medium but acts as an active vessel for profound inner spiritual transformation. The analysis reveals a seamless integration among material elements such as symbolic costumes (body-subject), rigorous ascetic spiritual disciplines such as a 1001-day fast that builds muscle memory (body-knowers), and non-verbal emotional expressions of sorrow, fear of the Divine (*khauf*), and absolute submission (*redha*) (body-expressers). The synthesis of these dimensions produces a holistic spiritual performance that transcends human physical limitations. This study concludes that the Zikir Darwis performance

is a discipline of Islamic performance art that elevates the human body as the paramount manifestation of the unification between the physical and the divine, ultimately functioning as a vital spiritual healing therapy.

Keywords: Darwis Performance, Body Embodiment, Phenomenology, Islamic Performance Art, Zikir, Sufi Order (*Tarekat*)

Pendahuluan

Persembahan zikir Darwis, atau tarian Sufi (*Whirling Dervishes*), merupakan warisan kesenian Islam bersaratkan mistisisme yang diinspirasi oleh tokoh sufi Maulana Jalaluddin Rumi di Konya, Turki pada abad ke-13, sebagaimana yang dijelaskan oleh Anisul Muttaqin (2011). Rista Dewi Opsantini (2014) menegaskan pementasan ini bukanlah sekadar hiburan visual, sebaliknya merupakan manifestasi rasa cinta dan kerinduan seorang hamba terhadap Penciptanya. Dari sudut sejarah, Carl W. Ernst (1997) menyatakan bahawa zikir Darwis telah diinstitusikan dalam aliran Tarekat Maulawiyah bagi mencapai penyatuan rohani melalui gabungan pergerakan putaran kinetik dan lantunan zikrullah. Di samping itu, zikir merupakan elemen fundamental yang mempersiapkan struktur jiwa dan jasad pelaku sebelum pementasan. Manakala Fran J. Levy (1995) berpendapat bahawa iringan alunan muzik qasidah berfungsi sebagai agen terapeutik holistik yang berkesan dalam menyelaraskan kesedaran manusia secara optimum. Dari perspektif Pengajian Persembahan pula, pergerakan di panggung ini tidak sekadar mekanikal. Sebaliknya, dimartabatkan sebagai instrumen artistik yang menterjemahkan pengalaman batin ke dalam bahasa tubuh yang luhur dan menghubungkan sifat jasmani dengan pusingan makrokosmos.

Di Malaysia, kelestarian tradisi kerohanian ini terus dipelihara secara aktif oleh kumpulan Darwis di Madrasah Rasool-Ur-Rahmah, Kuala Kubu Bharu, Selangor di bawah bimbingan Tarekat Naqsyabandi Aliyah pimpinan Syekh Sidi Mohammad Zaid Dor Alfi Sani. Beliau secara praktikalnya menjadikan persembahan zikir Darwis sebagai metodologi utama dalam kerangka pembinaan sahsiah kerohanian murid di institusi pengajian tersebut. Walau bagaimanapun, satu kelompangan penyelidikan yang amat ketara masih membelenggu wacana akademik tempatan. Kajian oleh Mega Nurvinta (2016) membuktikan bahawa biarpun tarian Sufi sentiasa menuntut latihan intensif serta bimbingan kerohanian yang mendalam untuk dapat dilaksanakan secara autentik, apresiasi awam terhadap tari Darwis sering kali terhenti setakat kekaguman terhadap keindahan koreografi luaran. Kekurangan analisis kritis yang mensinergikan disiplin sains Pengajian Persembahan berserta kerangka falsafah teologi di Malaysia telah menyebabkan nilai keintelektualan seni penyatuan jasmani dan rohani ini menjadi kabur serta belum diterokai secara tuntas.

Bagi mengisi lompong literatur tersebut, kajian dirangka dengan objektif utama membongkar secara saintifik proses penjelmaan tubuh (*embodiment*) pementasan zikir Darwis menerusi adaptasi lensa analisis Teori Penjelmaan oleh Betty Block (2015). Konsep teoretikal ini merungkai transformasi anatomi yang berinteraksi menerusi tiga dimensi berkesinambungan: pertama, subjek badan (*body-subject*), di mana berpandukan hujah Johnstone (1992), ruang dan tenaga kinetik membolehkan wujudnya entiti persembahan yang mengangkat ekspresi diri ke darjat yang lebih tinggi. Dimensi kedua pula memfokuskan pengetahuan badan (*body-knowers*) yang diperkukuh melalui memori otot hasil latihan asketik dan disiplin ingatan batin (*rabithah*) kepada guru mursyid sebagaimana yang diutarakan oleh Haidar Kamarzaman (2015). Dimensi ketiga memperhalusi ekspresi badan (*body-expressers*) yang dijelaskan oleh Paul Jones (2004) sebagai wadah komunikasi bukan lisan, di mana emosi seperti rasa gentar (*khasyyah*) berjaya ditransformasikan kepada cerminan *maqamat redha* mengikut pandangan Gani (2018). Pencerakinan holistik dan teoretikal ini bertindak sebagai wacana intelektual yang sangat signifikan demi memelihara ketulenan seni persembahan Islam Nusantara, sekaligus merintis tapak asas yang kukuh bagi kemajuan akademik Pengajian Persembahan di Malaysia.

Sorotan Literatur

Dalam menelusuri wacana persembahan zikir Darwis, kajian-kajian lepas sangat menekankan keperluan pengaplikasian suatu lensa analitikal yang mampu merungkai integrasi kompleks antara

pergerakan fizikal anatomi dan elemen metafizik. Merriam (1998) menjelaskan bahawa orientasi kerangka keilmuan yang utuh amat kritikal dalam memandu kefahaman penyelidik terhadap fenomena abstrak, yang sama sekali tidak boleh diukur menggunakan logik pemerhatian kosong semata-mata. Menyokong gagasan pencerakinan fenomena ini, Koch (2006) berhujah bahawa tubuh manusia bukanlah objek mekanikal yang pasif, sebaliknya berfungsi sebagai organisma hidup yang aktif merakam dan berinteraksi secara holistik dengan persekitarannya. Bertitik tolak daripada paradigma ini, Teori Penjelmaan (*Embodiment Theory*) oleh Betty Block dalam Tiara et al. (2026) sebagai instrumen teras yang membedah transformasi jasmani dan rohani secara serentak. Menurut kerangka teoretikal ini, penjelmaan anatomi dipecahkan kepada tiga dimensi utama yang saling bertaut untuk menggapai kesedaran makrifat, iaitu subjek badan (*body-subject*), pengetahuan badan (*body-knowers*), dan ekspresi badan (*body-expressers*).

Analisis subjek badan, memfokuskan kepada keupayaan interaksi fizikal pengamal terhadap ruang dan penggunaan elemen material persembahan. Coaten (2013) menegaskan bahawa penglibatan deria bersama batasan ruang fizikal membolehkan manusia menjiwai fenomena kewujudan diri mereka dengan lebih tuntas. Lebih lanjut, Johnstone (1992) menggariskan bahawa pengeluaran tenaga kinetik dan ruang bukan sekadar instrumen teknikal, tetapi bertindak sebagai entiti pemacu yang mengangkat ekspresi insan ke suatu darjat yang lebih luhur, terutamanya dalam mengatasi rintangan graviti. Dalam konteks wacana zikir Darwis, penguasaan ruang kinetik ini turut disokong secara padu oleh pemanfaatan perlambangan material seperti topi tinggi (*Sikke*) yang melambangkan pusara keegoan, serta jubah panjang (*Tennur*) yang menyimbolkan peringatan kematian menerusi pemakaian kain kafan. Elemen-elemen ini bertindak sebagai pelindung dan pendorong psikologi berkesan yang memutuskan ikatan pemikiran penari daripada perkara keduniaan demi mengekalkan fokus putaran spiritual yang konsisten.

Seterusnya, menelusuri dimensi pengetahuan badan yang menanggapi anatomi jasmani sebagai perpustakaan penyimpanan kearifan tersirat yang sangat berharga. Betty Block (2015) dan Koch (2006) mendedahkan bahawa pengetahuan manusia tidak terhad kepada logik kognitif minda, malah diinternalisasikan secara teguh menerusi pengalaman amalan fizikal berulang kali untuk membentuk daya memori otot (*muscle memory*). Keupayaan biologi yang luar biasa ini dapat dicapai menerusi pendisiplinan asketik yang ekstrem, seperti mengharungi amalan *khalwah* (pengasingan diri) dan mendirikan puasa tanpa makanan berdarah selama tempoh 1001 hari. Tambahan pula, literatur teologi oleh Haidar Kamarzaman (2015) menghujahkan bahawa ketahanan sistem fizikal tersebut sangat bergantung kepada amalan *rabithah*, iaitu pertalian ingatan rohani yang telus bersama guru mursyid. Aliran barakah daripada ikatan *rabithah* inilah yang menyalurkan tenaga pelindung bagi mendepani ancaman keletihan biologi yang melampau, membolehkan pengamal zikir Darwis berputar dengan amat lancar seakan-akan dipandu terus oleh tenaga syurgawi.

Dimensi Penjelmaan	Elemen Komponen	Sintesis Literatur
Subjek Badan (<i>Body-Subject</i>)	Bahan (Kostum/Tennur/Sikke) Fizikal (Persediaan Tubuh) Kinestetik (Kuasa Putaran) Ruang (Arena Pementasan)	Tubuh dihayati sebagai ruang pengalaman yang aktif. Kostum mempunyai perlambangan spiritual yang tinggi: topi <i>Sikke</i> melambangkan batu nisan bagi ego manusia, jubah <i>Tennur</i> menyimbolkan kain kafan pengingat kematian, manakala putaran berlawanan arah jarum jam merupakan manifestasi penyelarasan diri dengan hukum graviti dan kosmos alam semesta.

Dimensi Penjelmaan	Elemen Komponen	Sintesis Literatur
Pengetahuan Badan <i>(Body-Knowers)</i>	Usaha (Salik, Disiplin) Guru, Hubungan Rohani (<i>Salik, Ingatan, Muscle Memory</i>) (<i>Khalwah, Rabithah Memory</i>)	Pengetahuan badan ditafsirkan sebagai pengetahuan tersirat yang melibatkan keupayaan berinteraksi secara holistik di seluruh tubuh. Pengamal menempuh fasa <i>khalwah</i> (pengasingan diri) untuk mendidik ego. Seterusnya, ingatan batiniah dipelihara melalui ikatan <i>rabithah</i> rohani kepada guru mursyid bagi menyerap limpahan keberkatan (<i>barakah</i>).
Ekspresi Badan <i>(Body-Expressers)</i>	Emosi (Sedih, Takut/ <i>Khasyyah</i>) Pergerakan (Tempo Perlahan↔Laju) Komunikasi (Individu-Tuhan, Kumpulan)	Gerakan dan postur tubuh berfungsi sebagai komunikasi non-verbal yang menterjemahkan kualiti emosi batiniah. Ekspresi sedih dalam bentuk tangisan ditafsirkan sebagai pengakuan dosa dan keinsafan batin (<i>khauff/khasyyah</i>). Manakala pergerakan berputar yang lancar dan seimbang mencerminkan pencapaian <i>maqamat redha</i> , iaitu kepasrahan mutlak hamba menerima takdir dan ketentuan Ilahi.

Jadual 1: Tiga Dimensi Penjelmaan dalam Zikir Darwis

Memperhalusi fungsi keutuhan ekspresi badan sebagai wadah penyampaian dan komunikasi bukan lisan kepada alam semesta serta Yang Maha Pencipta. Betty Block (2005) menyatakan bahawa setiap gestur penari sentiasa diperbaharui dengan pesanan batiniah. Manakala Paul Jones (2004) turut menyokong kapasiti tubuh yang bertindak amat efisien dalam menterjemahkan pencapaian rohani yang mustahil untuk diungkapkan melalui kelemahan perkataan. Keputisan bahasa pergerakan ini tergambar jelas pada formasi visual penari yang menadahkan tangan kanan ke langit untuk menyambut rahmat, seraya menghalakan tangan kiri ke bumi untuk menyebarkannya. Fenomena transendensi berlaku apabila rasa ketakutan (*khasyyah*) berjaya ditransformasikan secara psikologi menjadi daya kepasrahan dan redha. Rentetan percantuman antara subjek badan yang memanfaatkan ruang arena, pengetahuan badan yang diukir melalui disiplin asketik yang luhur, dan kelembutan ekspresi badan inilah yang akhirnya membuktikan secara ilmiah bahawa pementasan zikir Darwis adalah sebuah ritual terapeutik penyembuhan insan yang agung dan kebal daripada kelalaian hiburan moden.

Metodologi

Penyelidikan ini telah dijalankan berteraskan paradigma deskriptif-interpretif yang bersandarkan kefahaman tradisi konstruktivisme sosial bagi menyelami fenomena persembahan zikir Darwis sebagai satu rentetan pengalaman kesedaran yang holistik dan sangat subjektif. Menyokong pandangan Littlejohn dan Foss (2005) bahawa realiti dibentuk melalui tafsiran pengalaman manusia, reka bentuk fenomenologi deskriptif adaptasi Edmund Husserl (1970) diaplikasikan bagi merungkai dimensi kesedaran dan persepsi tubuh pengamal secara tuntas tanpa dipengaruhi andaian sedia ada. Seterusnya, selaras dengan saranan Creswell (1998) yang mengutamakan kedalaman kualiti maklumat berbanding saiz kuantiti, pemilihan sumber data dilaksanakan menerusi kaedah persampelan bertujuan. Bagi mencapai tahap ketepuan data, tiga orang informan utama dari Madrasah Rasool-Ur-Rahmah yang memiliki kesiapsiagaan rohani dan fizikal luar biasa telah dipilih, merangkumi guru pembimbing, Syaikh Mohd Zaid, serta dua pengamal tari Darwis iaitu Husin Badr Al Din dan Mohd Nazim.

Bagi menelusuri naratif dan dinamik kerohanian informan, teknik pengumpulan data digerakkan melalui temu bual mendalam secara separa berstruktur yang memberi ruang seluas-luasnya kepada informan untuk menghuraikan rasa dan pengalaman dalaman menggunakan bahasa mereka tersendiri. Prosedur ini disokong secara holistik melalui pemerhatian lapangan tanpa intervensi bagi meneliti susun atur ruang arena, kelantangan ritma zikir, dan rentak putaran kinetik. Sepanjang proses pemerolehan data ini, penyelidik berpegang teguh kepada prinsip saintifik *epoche* (penangguhan penilaian) anjuran Moustakas (1994) untuk mengekang sebarang prasangka, serta menggerakkan empat tahap reduksi fenomenologi (fenomenologi, eiditik, kebudayaan, dan transendental) demi menapis struktur kesedaran subjek secara asli. Segala dapatan kemudiannya diuruskan menerusi pengilapan transkripsi verbatim tanpa suntingan bagi memastikan nilai epistemologi, riak ekspresi, dan ketulenan fenomena sentiasa terpelihara daripada sebarang manipulasi tafsiran pramatang.

Peringkat penganalisan data pula disempurnakan menggunakan kerangka fenomenologi transendental yang diperkasakan oleh Stevick, Colaizzi, dan Keen sebagaimana yang dihipunkan oleh Moustakas (1994). Tatacara analisis dimulakan dengan fasa horizontalisasi bagi membedah dan menginventorikan setiap unit pernyataan empirikal secara saksama. Horizon penemuan ini kemudiannya dirangkumkan untuk merajut deskripsi tekstural (apa yang dilalui) dan struktural (bagaimana ia dialami), sekaligus membongkar perkaitan luhur di antara pusran kinetik tubuh dengan puncak zikir. Analisis ini kemudiannya melalui sintesis esensi berdasarkan teknik variasi imaginatif untuk merumuskan intipati fenomena yang universal. Akhir sekali, demi menegakkan kewibawaan dan darjat kepastian dapatan kajian, prosedur pemeriksaan ahli (*member checking*) oleh Lincoln dan Guba (1985), berserta semakan silang antara nota lapangan dan temu bual, diaplikasikan bagi memeterai kesahihan tafsiran secara mutlak bersama para informan.

Perbincangan

Subjek Badan (Body-Subject) dalam Peralatan dan Ruang Persembahan

Dalam mencerakinkan dimensi subjek badan berlandaskan Betty Block (2015), anatomi pengamal zikir Darwis tidak berfungsi sebagai entiti biologi yang pasif, sebaliknya bertindak sebagai ejen dinamik yang berinteraksi secara holistik dengan ruang dan kelengkapan material. Menurut penjelasan Syeikh Zaid (Temu bual, 2022), walaupun peralatan fizikal ini bukanlah matlamat hakiki ibadah tasawuf, ia diolah sebagai instrumen sokongan yang berkesan untuk memusatkan tumpuan minda dan jasad ke arah mencapai *makrifatullah*. Fungsi signifikan material sakral ini turut disokong secara padu oleh pelbagai disiplin keilmuan, di mana Mircea Eliade (1959) melihatnya sebagai perlambangan metafizik kerohanian, manakala Richard Schechner (2020) membuktikan peralatan ini berupaya mencetuskan pengalaman liminal yang mengubah status kesedaran peserta. Pandangan ini diselarikan lagi dengan hujah Edmund Husserl (1970) bahawa pengalaman subjektif pengamal dibentuk menerusi tindak balas pancaindera bersama persekitaran empirikal alat tersebut. Menyokong kepentingan instrumen tersebut, Clifford Geertz (1973) mengemukakan analisis bahawa lambang dan kelengkapan fizikal ini secara sosiologis memastikan kelestarian disiplin asketik leluhur terus dipelihara utuh merentas zaman.

Menterjemahkan interaksi ini ke dalam bentuk material, Syeikh Zaid (Temu bual, 2022) menerangkan bahawa tatarias persembahan Darwis direka khusus bersandarkan prinsip penutupan aurat yang sempurna serta penyingkiran nilai kosmetik duniawi demi memancarkan keikhlasan batin yang luhur. Syeikh Zaid (Temu bual, 2022) menambah bahawa struktur pemakaian di kepala berfungsi mengekang kesombongan intelektual, pakaian di dada merungkai prasangka buruk, manakala sarungan di tubuh bawah direka bagi memagari runtunan syahwat. Berkaitan dengan rekaan di bahagian kepala, Rista Dewi Opsantini (2014) menjelaskan bahawa topi tinggi baldi yang dikenali sebagai *Sikke* melambangkan batu nisan yang secara kiasannya menguburkan keegoan manusia. Berkongsi pengalamannya, Husin Bard (2017) mengakui secara empirikal bahawa topi tersebut memusatkan daya fikirnya semata-mata kepada kebesaran Ilahi ketika ligat berputar di atas gelanggang. Bagi menyempurnakan lagi simbolik pengorbanan batin ini, Idries Shah (1964) menyatakan bahawa pemakaian jubah luar hitam bersaiz longgar bernama *Khirqqa* mewakili kegelapan alam material, yang

menyelaraskan setiap tarikan dan hembusan pernafasan mereka dengan lafaz mulia "Allah" dan getaran "Hu". Disiplin pemfokusan minda secara total ini bertindak menyingkirkan memori permasalahan keduniaan, lantas mengubah status persembahan daripada sekadar visual koreografi kepada sebuah platform munajat yang amat intim antara seorang hamba dengan Penciptanya.



Gambar 1: Kerangka Konseptual Penjelmaan Tubuh Zikir dalam Darwis

Walau bagaimanapun, keutuhan mekanikal dan kecakapan memori otot ini tidak akan mampu bertahan lama tanpa wujudnya talian sokongan daripada jaringan ingatan kerohanian. Berhubung hal ini, Haidar Kamarzaman (2015) menegaskan bahawa setiap *Salik* amat dituntut untuk memelihara ikatan *rabithah*, iaitu penumpuan ingatan batin yang ikhlas kepada guru mursyid ketika berzikir, yang berfungsi sebagai perantara bagi menyerap aliran barakah serta tenaga spiritual untuk melindungi sistem jasmani daripada ancaman keletihan biologi yang melampau. Demi menjauhi sebarang penyelewengan niat dan tipu daya iblis, setiap pengamal zikir Darwis dituntut menanam kesedaran mendalam bahawa status fizikal dan roh mereka hanyalah sekadar hamba yang faqir, yang mana pendekatan ini sangat efisien dalam menghancurkan ancaman sifat ujub serta riak. Berkat percantuman antara aliran telepati batin daripada guru dan pemusatan zikir tersebut, gelombang putaran kinetik ini secara automatik memacu pelakunya melonjak ke arah pencapaian makam *fana* (ekstasi), di mana jasad akan bereaksi seringan kapas seolah-olah telah hilang daya tarikan graviti. Secara tuntasnya, asimilasi pengetahuan badan dalam tarian Darwis ini menzahirkan sebuah evolusi holistik yang membuktikan bahawa kehebatan pergerakan seni Islam tidak hadir secara semulajadi, sebaliknya ditempa menerusi keikhlasan asketik yang memartabatkan tubuh manusia sebagai manifestasi suci rahsia ketuhanan.

Ekspresi Badan (*Body-Expressers*) sebagai Manifestasi Emosi Spiritual

Betty Block (2005) menegaskan bahawa ekspresi badan (*body-expressers*) mengangkat anatomi manusia daripada sekadar entiti biologi yang pasif kepada sebuah medium komunikasi bukan lisan yang sentiasa dibaharukan dengan nilai kemanusiaan bagi mengekspresikan gejolak batin. Menyokong gagasan ini, Paul Jones (2004) menjelaskan bahawa tubuh bertindak secara efisien dalam menzahirkan kecelaruan emosi terpendam dan pencapaian spiritual yang kompleks kepada Pencipta menerusi ritma putaran yang harmoni. Selari dengan pandangan tersebut, Beverly (2017) menghuraikan bahawa pergerakan kinetik berulang ini memacu pengalaman spiritual yang membawa kepada keadaan ekstasi, di mana emosi dalaman ditransformasikan ke arah penyucian peribadi. Salah satu manifestasi paling dominan di panggung persembahan adalah penzahiran emosi kesedihan akibat keinsafan, yang mana Kartina (2023) menyatakan bahawa kualiti ekspresi penari sangat dipengaruhi oleh suasana hati dan pengakuan dosa yang membentuk rasa kerdil di sisi Tuhan. Keadaan ini turut dibuktikan secara empirikal oleh Husin Bard melalui temu bual pada tahun 2022 apabila beliau mendedahkan bahawa ingatan terhadap kematian neneknya sering dibawa ke gelanggang untuk dirawat, lantas mengubah titisan air mata menjadi lambang penyerahan yang tulus tanpa menjejaskan pementasan. Keupayaan

membebaskan trauma psikologi menerusi dalam zikir Darwis, dilihat sebagai sebuah proses katarsis atau pemulihan rohani, di mana pergerakan putaran yang diiringi zikir berjaya menghakis keperitan jiwa secara perlahan-lahan, sekaligus mengangkat persembahan zikir Darwis sebagai ritus penyembuhan emosi yang amat bernilai.

Selain merawat kesedihan, tubuh Darwis juga menanggung cabaran berat dalam menguruskan emosi batin yang ekstrem seperti amarah dan ketakutan (*khauf*), di mana Paul Ekman (1992) secara psikologinya membuktikan bahawa ledakan amarah berpotensi merosakkan fungsi kognitif, teknik pernafasan, dan keseimbangan motorik seseorang penari. Bagi menghindarkan ancaman tersebut, Imam al-Ghazali (2004) menitikberatkan amalan penyucian zahir dan batin bagi menjamin ketenangan jiwa yang optimum. Lantas, prosedur ini dihayati sepenuhnya oleh Husin Bard (Temu bual, 2022) menerusi pelaksanaan solat berjemaah, bacaan selawat, dan amalan tawassul untuk menyejukkan kemarahan sebelum melangkah ke arena.

Kaedah pengurusan ini amat bertepatan dengan falsafah Friedrich Nietzsche (2002) yang menyatakan bahawa emosi negatif tidak wajar ditekan tanpa nilai. Sebaliknya, harus ditransformasikan secara produktif menjadi ketahanan stamina bagi menyokong kelajuan putaran tubuh. Penyaluran tenaga ini membolehkan pengamal zikir Darwis mencapai darjat penumpuan minda yang diistilahkan oleh Mihaly Csikszentmihalyi (1990) sebagai keadaan aliran kesedaran atau *state of flow*. Turut mewarnai fasa emosi ini adalah manifestasi rasa gentar terhadap seksaan *Ilahi* serta kelayakan menjejakkan kaki ke syurga. Hal ini dapat diklasifikasikan sebagai tingkatan iman mendasar yang membenihkan rasa kehambaan mutlak tanpa melumpuhkan rentak tarian. Implikasi ketakutan eksistensial ini dihuraikan lebih mendalam oleh Betty Block (2014) dari sudut sains pergerakan, di mana rasa takut amat berisiko mencetuskan ketegangan saraf dan kecederaan otot biologi, namun ancaman klinikal ini sentiasa berjaya dineutralkan secara automatik menerusi kelonggaran fizikal hasil daripada alunan qasidah dan pemusatan zikir kepada kebesaran Tuhan.

Sinergi pengurusan segala gejala perasaan ini akhirnya memacu proses sublimasi yang amat menakjubkan apabila rasa ketakutan tersebut berevolusi menjadi rasa cinta dan kerinduan (*mahabbah*). Bertepatan dengan huraian Abuddin Nata (2015) bahawa peralihan psikologi ini terbit daripada membenaran hakikat keyakinan yang dipancarkan secara visual menerusi kelembutan postur dan senyuman penari. Manifestasi kasih sayang ini diperincikan mekanismenya oleh Beverly (2017) menerusi perlambangan gestur tubuh, di mana formasi tangan kanan penari yang menadah ke langit bertindak menyambut curahan rahmat Allah SWT. Manakala tangan kiri yang menghala ke lantai berfungsi menyebarkan rahmat tersebut kepada sekalian makhluk penciptaan, membentuk sebuah bahasa puitis senyap yang sentiasa memukau pemerhati.

Kemuncak kepada keseluruhan rangkaian pemprosesan ekspresi ini diletakkan pada *maqamat redha*, yang diumpamakan oleh Syeikh Zaid (Temu bual, 2022) seperti sehelai daun yang hanyut di permukaan sungai tanpa berdaya melawan arus ketentuan takdir ketuhanan. Pada tahap kepasrahan mutlak ini, jasad pengamal zikir Darwis tidak lagi merasai sebarang kesakitan mahupun keletihan biologi memandangkan seluruh entiti ego dan perancangan akal telah larut sepenuhnya di dalam lautan makrifat, membolehkan anatomi melayang harmoni menuruti irama kosmik, lantas memartabatkan pementasan zikir Darwis ini sebagai suatu wacana terapi kerohanian terulung yang bebas daripada sebarang pencemaran duniawi.

Kesimpulan

Proses penjelmaan tubuh zikir Darwis di Madrasah Rasool-Ur-Rahmah terbukti beroperasi menerusi sistem hierarki kerohanian yang amat ketat dan bersistematik. Pencapaian makrifat kepada Pencipta tidak dilaksanakan secara semberono. Sebaliknya, menuntut pematuhan rangkaian amalan *tawassul* menerusi bimbingan berangkai yang bermula daripada murid, khalifah, sehinggalah kepada Syeikh. Aliran keberkatan melalui perantaraan guru mursyid yang sah inillah yang mengawal setiap putaran kinetik jasad agar sentiasa menuruti paksi kepatuhan teologi yang diredhai.

Seterusnya, keluhuran himpunan pengetahuan badan yang diukir melalui kesatuan daya ingatan dan disiplin asketik tidak terhenti sekadar di atas gelanggang semata-mata. Anatomi para pengamal zikir Darwis secara organik merakam resonansi zikir tersebut sebagai memori fizikal yang diterjemahkan ke dalam kelangsungan kehidupan sosial masyarakat. Penguasaan persembahan paling unggul tidak lagi dinilai semata-mata melalui keupayaan peribadi mencapai keadaan *fana* atau ekstasi, tetapi diukur pada kejayaan pembentukan sahsiah diri yang menabur kebaikan moral secara berterusan kepada komuniti.

Akhir sekali, ekspresi badan dalam pementasan mistik ini bertindak cemerlang sebagai wacana terapi pemulihan jiwa. Penzahiran tangisan dan kepasrahan mutlak sewaktu ligat berputar merupakan suatu proses katarsis spiritual bagi menyucikan noda dosa serta membangkitkan keinsafan. Evolusi emosi gentar ini akhirnya ditransformasikan menjadi daya azam yang kebal untuk menjauhi kemunggaran. Tuntasnya, pencerakinan ini memartabatkan keintelektualan seni persembahan Islam jauh melangkaui sekadar kelincahan koreografi visual. Sebaliknya, teguh berdiri sebagai wadah rawatan kerohanian luhur yang mengembalikan manusia kepada fitrah *insan kamil*.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Madrasah Rasool-Ur-Rahmah atas kerjasama merealisasikan kajian lapangan ini. Terima kasih turut didedikasikan buat guru pembimbing, Syeikh Mohd Zaid serta dua pengamal Darwis, Husin Bard dan Mohd Nazim. Kesudian mereka berkongsi pengalaman rohani amat bernilai bagi menyempurnakan penulisan artikel ini.

Rujukan

- Al-Ghazali. (2004). *Ihya' ulum al-din* (Vol. 1). Darul-Ishaat.
- Attar, F. (1984). *The conference of the birds*. Penguin Classics.
- Barks, C. (1997). *The essential Rumi*. Harper Collins.
- Betty, A. (2015). *Embodiment and the self: A phenomenological approach*. Routledge.
- Beverly, J. (2017). *Ekspresi gerak tubuh manusia dalam seramik kontemporari* (Laporan projek akhir tahun yang belum diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.
- Block, B. A. (2005). *The embodiment of creativity: Exploring movement as a pathway to self-expression*. Dance Arts Publishing.
- Block, B. A. (2014). *Connecting body and mind: The role of movement in education and wellness*. Creative Movement Publishing.
- Block, B. A. (2022). *Somatic practices in dance performance: Perspective on movement and health*. Wellness Through Dance Press.
- Coaten, R. (2013). *Embodiment and psychotherapy*. Routledge.
- Coaten, R., & Newman-Bluestein, D. (2013). Embodiment and dementia: Dance movement psychotherapists respond. *Dementia*, 12(6), 678–681. <https://doi.org/10.1177/1471301213507033>
- Colaizzi, Paul F. (1978). Psychological research as the phenomenologist views it. In Ronald S. Valle & Mark King, *Existential-phenomenological alternatives for psychology*. New York: Oxford University Press. pp. 6.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Sage.
- Csikszentmihalyi, M. (1990). *Flow: The psychology of optimal experience*. Harper & Row.
- Ekman, P. (1992). An argument for basic emotions. *Cognition and Emotion*, 6(3–4), 169–200. <https://doi.org/10.1080/02699939208411068>
- Eliade, M. (1959). *The sacred and the profane: The nature of religion*. Harcourt, Brace & World.
- Ernst, C. W. (1997). *Sufism: An introduction to the mystical tradition of Islam*. Shambhala Publications.
- Gani, A. (2018). Pendekatan sufistik dalam pendidikan Islam berwawasan perdamaian. *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*, 23(2), 387–412. <https://doi.org/10.32332/akademika.v23i2.1239>
- Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures*. Basic Books.

- Husserl, E. (1970). *The crisis of European sciences and transcendental phenomenology: An introduction to phenomenological philosophy* (D. Carr, Trans.). Northwestern University Press. (Original work published 1936)
- Johnstone, K. (1992). *Impro: Improvisation and the theatre* (Reprint ed.). Routledge.
- Jones, P. (2007). *Drama as therapy volume 1: Theory, practice and research*. Routledge.
- Kamarzaman, M. H. (2013). Pengenalan terhadap institusi tasawuf di Malaysia: Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah. In *Proceedings of the 3rd International Seminar on Islamic Thought* (pp. 203–219). ISBN 978-967-0913-95-7.
- Koch, S. C. (2006). Interdisciplinary embodiment approaches: Implications for creative art therapies. In *Advances in dance/movement therapy: Theoretical perspectives and empirical findings*: Logos Berlin.
- Levy, F. J., Fried, J. P., & Leventhal, F. (Eds.). (1995). *Dance and other expressive art therapies: When words are not enough*. Routledge
- Lincoln, Y.S. and Guba, E.G. (1985). Naturalistic Inquiry. SAGE, Thousand Oaks, 289-331. [http://dx.doi.org/10.1016/0147-1767\(85\)90062-8](http://dx.doi.org/10.1016/0147-1767(85)90062-8)
- Littlejohn, S. W., & Foss, K. A. (2005). *Theories of human communication* (9th ed.). Thomson Wadsworth.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
- Moustakas, C. (1994). *Phenomenological research methods*. Sage.
- Muttaqin, A. (2011). *Praktik dzikir sufi tarekat Maulawiyyah dalam perspektif hukum Islam* (Skripsi sarjana muda, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta). Institutional Repository UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Nasr, S. H. (2008). *The garden of truth: The vision and promise of Sufism, Islam's mystical tradition*. HarperOne.
- Nata, A. (2016). *Ilmu pendidikan Islam*. Prenada Media.
- Nicholson, R. A. (1914). *The mystics of Islam*. G. Bell and Sons.
- Nietzsche, F. (2002). *Beyond good and evil: Prelude to a philosophy of the future* (J. Norman, Trans.). Cambridge University Press. (Original work published 1886)
- Nurvinta, M. (2016). Eksistensi tari Sufi pada komunitas Al-Fairouz di Kota Medan. *Gesture: Jurnal Seni Tari*, 5(1), 85–98. <https://doi.org/10.24114/senitari.v5i1.3605>
- Opsantini, R. D. (2014). Nilai-nilai Islami dalam pertunjukan Tari Sufi Pada Grup Kesenian Sufi Multikultur Kota Pekalongan. Jurusan Sendratasik, Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Semarang.
- Opsantini, R. D. (2014). Nilai-nilai Islami dalam pertunjukan tari Sufi pada grup “Kesenian Sufi Multikultur” Kota Pekalongan. *Jurnal Seni Tari*, 3(1), 1–13. <https://doi.org/10.15294/jst.v3i1.3969>
- Schechner, R. (2020). *Performance studies: An introduction* (4th ed.). Routledge.
- Shah, I. (1964). *The Sufis* (1st ed.). Doubleday.
- Tiara, R. F. L., Milyartini, R., & Masunah, J. (2026). Exploring dance movement therapy and creative embodiment: A scoping review on interdisciplinary exploration in arts and education. *Journal of Practice Learning and Educational Development*, 6(1), 1038–1046. <https://doi.org/10.58737/jpled.v6i1.976>
- Trimingham, J. S. (1971). *The Sufi orders in Islam*. Oxford University Press.
- Husserl, E. (1970). *The crisis of European sciences and transcendental phenomenology: An introduction to phenomenological philosophy* (D. Carr, Trans.). Northwestern University Press. (Original work published 1936).